

MEDAN BAHASA

Kedudukan Bahasa Arab

Sebagai Bahasa Pengetahuan dan Kebudayaan

“Lihatlah di sekeliling tuan-tuan, perhatikanlah kecerdasan bahasa kita sekarang ini! Selidikilah, jangan di kota-kota yang besar sahaja tetapi masuklah ke kampung dan ke desa-desa, di situ tuan-tuan akan mendapat gambaran, bagaimana besar jasanya bahasa Arab ini bagi kecerdasan bangsa kita. belum ditilik lagi dari jurusan keagamaan, akan tetapi baru jurusan umum”. Demikian suatu hakikat yang terhidang dalam makalah yang berharga ini- Pengarang Qalam.

Bahasa Arab itu, ialah bahasa dunia yang hidup, bahasa ilmu pengetahuan yang luas, dan bahasa kebudayaan dan kesusasteraan yang indah. Di negara-negara Islam dan Arab, seperti Mesir, Iraq dan lain-lain, bahasa Arab itu menjadi bahasa rasmi, bahasa kehakiman, bahasa perdagangan, bahasa pergaulan dan bahasa diplomatik.

Di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, bahasa Arab menjadi salah satu bahasa rasmi yang dipakai dalam persidangan dunia itu, di samping bahasa-bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, Cina dan lain-lain.

Di pelbagai perguruan tinggi di negara-negara Islam dan Arab, bahasa Arab menjadi bahasa pengantar. Bahkan di setengah-setengah universiti-universiti Inggeris, Amerika dan negeri-negeri Eropah, bahasa Arab diajar khas kepada pelajar-pelajar yang bakal menjadi orientalis (ahli ketimuran).

Bahasa Arab bukan sahaja bahasa yang dipakai oleh

sebahagian besar rakyat di Timur Tengah dan Afrika Utara, seperti Mesir, Syria, Iraq, Saudi Arabiyah, Jordan, Yaman, Lubnan, Sudan, Morocco, Tunisia, al-Jazair, dan lain-lain, tetapi juga menjadi bahasa pehubungan dan bahasa persatuan umat Islam yang berjumlah 400 juta (500 juta lebih- P.) di seluruh dunia.

Dalam memperbincangkan boleh tidaknya bahasa Arab menjadi bahasa rasmi Pakistan, Peter Adami, seorang Jerman yang menjadi pensyarah dalam sebuah Universiti di negeri Jerman, telah menulis dalam majalah “Islamic Revo” (Julai 1950) menyatakan pendapatnya antara lain bahawa:

...Jumlah bahasa yang dapat dibeza-bezakan di Pakistan pada hakikatnya tidak sepadan dengan jumlah kebudayaan yang ada di negara itu. Akan tetapi walaupun demikian, di sana

terdapat kesatuan kebudayaan yang ajaib, yang berdasarkan agama yang am, iaitu agama Islam. Oleh kerana itulah timbul pernyataan: Tidakkah ada baiknya memilih sesuatu bahasa yang ada perhubungannya yang adat dengan agama Islam itu, iaitu bahasa Arab?

Bahasa Pengetahuan dan Kebudayaan

Mengapa bahasa Inggeris, Perancis, Jerman dan juga Belanda (bagi masyarakat Indonesia) mendapat tempat sebagai bahasa moden dan bahasa yang hidup? Kerana bahasa-bahasa itu dapat dijadikan dan dapat menguasai dalam membahas dan menghuraikan segala macam ilmu pengetahuan serta cabang-cabangnya. Adakah bahasa Arab juga demikian? Jawabnya: “Ya”

Bahasa Arab bukan sahaja menjadi bahasa agama yang memperbincangkan rukun-rukun Islam, rukun-rukun Iman, dan hukum Fiqh semata-mata, tetapi ia satu bahasa dunia, yang luas, dan bahasa kebudayaan serta kesusasteraan yang indah. Bahasa Arab ialah kunci perbendaharaan ilmu dunia dari pelbagai jenis cabang ilmu, kerana ia dapat dipakai bagi menghuraikan suatu faham atau suatu soal dari semudah-mudahnya hingga kepada yang sesulit-sulitnya. Ia dipakai sebagai bahasa falsafah bagi filsuf-filsuf dalam menghuraikan bermacam-macam teori dan dalil-dalil yang serumit-rumitnya.

Cubalah buka lebaran sejarah, semaklah kemajuan yang telah dicapai oleh umat Islam dalam zaman keemasannya di lapangan pengetahuan dan kebudayaan, nescaya akan didapati betapa peranan bahasa Arab itu sebagai kunci untuk membuka perbendaharaan pengetahuan dan kebudayaan bangsa-bangsa di dunia yang tua kebudayaannya, iaitu dengan jalan terjemahan. Banyak terjemahan yang dibuat dalam istana-istana khalifah-khalifah Abasiyah (di Baghdad). Berbagai-bagai pengetahuan dalam bahasa Yunani, Parsi, Keldani, Hindu, Rum dan lain-lainnya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.

Kitab-kitab yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab itu, besar sekali erti dan faedahnya dalam memelihara perpustakaan dunia, yang sudah tentu tidak akan dapat dijumpai lagi jika tidak segera diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, oleh kerana naskhah-naskhah asalnya sudah hilang atau rosak.

Hal ini diakui oleh Jurji Zaydan, seorang pengarang Arab masihi yang terkena, dalam kitabnya “Tarikh al-Tamadun al-Islām” (jilid 3, muka 160), antara lain ia berkata:

“... dalam tempoh yang lebih sedikit dari satu kurun, orang Islam telah sanggup menyalin dan mengumpulkan ilmu pengetahuan dari pelbagai bangsa dan bahasa, yang bangsa Rom tidak sanggup mengusahakannya, hatta sebahagian dari itu, dalam beberapa kurun...”

Memang semenjak permulaan kurun kesepuluh banyak ahli-ahli dan pencinta pengetahuan Eropah, terutama dari Inggeris dan Perancis, mereka datang ke Sepanyol pada zaman itu,- zaman ilmu pengetahuan dan peradaban Islam berada di kemuncak kejayaan – bagi mengambil faedah dan memetik hasil dari kemajuan-kemajuan yang telah dimiliki oleh umat Islam dewasa itu. Banyak ahli pengetahuan Eropah mempelajari faham-faham dan ilmu pengetahuan Yunani dan Rom melalui terjemahan bahasa Arab.

Sebagai bukti adanya pengambilan kebudayaan ilmu pengetahuan Islam dalam zaman keemasan itu oleh orang-orang Barat, ialah dengan adanya kata-kata Barat sekarang yang berasal dari bahasa Arab dan Parsi.

Sebagaimana Baghdad dalam kurun yang kelapan menjadi pusat penyelidikan berjenis-jenis ilmu pengetahuan, demikian pula Sepanyol pada kurun yang kesepuluh, di bandar-bandar besar, Tulaiṭah, Qurtuba, Gharnata dan lain-lain, diusahakan penterjemahan berjenis-jenis ilmu pengetahuan dari bahasa Latin

yang telah dikumpul dan dihuraikan dengan ulasan-ulasan yang lanjut oleh ahli-ahli pengetahuan Islam ke dalam bahasa Arab.

Banyak juga cerdik pandai Yahudi yang mahir dalam bahasa Arab dan Latin telah mengambil bahagian dalam usaha terjemah menterjemah ini.

Sebagai perbandingan, di bawah ini disajikan contoh-contoh di antara hasil-hasil terjemahan itu, seperti berikut:

Dari perbendaharaan bangsa Yunani, telah diterjemahkan terutama ilmu falsafah, ilmu Mantiq, Muzik, ilmu Falak dan ilmu Hisab.

Kitab-kitab dari perbendaharaan Yunani seperti karangan Aflatun, Aristotle, Biqrad tidak kurang dari 35 buah yang diterjemahkan ke bahasa Arab.

Dari perbendaharaan bangsa Parsi, telah diterjemahkan ilmu-ilmu yang berhubung dengan ilmu falak, ilmu nujum, kesusasteraan, sejarah, undang-undang dan muzik. Kesemuanya tidak kurang dari 18 buah kitab-kitab besar.

Dari perbendaharaan kebudayaan India, telah diterjemahkan ilmu pengetahuan dari bahasa Sanskrit, terutama ilmu-ilmu yang berhubung dengan perubatan, ilmu bintang, ilmu hisab, muzik dan kesusasteraan.

Dari perbendaharaan kebudayaan Keldani, telah terjemahkan ilmu-ilmu yang berhubung dengan ilmu nujum dan pertanian.

Demikian pula dari kebudayaan Mesir lama, telah dikumpulkan ilmu pengetahuan yang berhubung dengan ilmu kimia dan ilmu hurai tubuh (Anatomi), dan lain-lain.

Hingga hari ini, kitab-kitab kesusasteraan dan peradaban dari pelbagai cabang ilmu yang telah diusahakan oleh filsuf-filsuf dan ahli-ahli pengetahuan Islam dalam zaman keemasan itu, yang ditulis dalam bahasa Arab, baik yang sudah dicetak atau pun yang hanya berupa naskah tulisan tangan, masih ada didapati di kutubkhanah-kutubkhanah

London, Oxford, Paris, Berlin, Vetican dan lain-lainya.

Jangan sangka, bahawa ahli-ahli pengetahuan dari kalangan umat Islam pada masa itu, hanya terbatas kepada menterjemah dan menyalin sahaja akan ilmu pengetahuan itu, bahkan mereka telah menghasilkan berjenis-jenis ilmu pengetahuan yang menjadi perbendaharaan ilmu dunia dewasa ini, seperti falsafah, mantiq, ilmu tabi'i, ilmu falak, ilmu jiwa dan lain-lainya.

Demikian pula hasil fikiran atau kecerdasan untuk ahli-ahli pengetahuan dan filsuf-filsuf Islam, seperti Ibn Rushd, Ibn Sina, Ibnu Khaldun, Ibnu Majah dan lain-lainya dalam ilmu falsafah, perubatan (kedokteran), mantiq, ilmu jiwa, telah disalin ke bahasa Latin dan bahasa Barat lainnya.

Kesimpulannya, bahawa bahasa Arab itu bukan sahaja dapat dipakai serta menguasai untuk menyalin atau menterjemahkan pelbagai jenis ilmu pengetahuan dari segala cabang-cabangnya, tetapi juga sanggup dan dapat menguasai untuk menghuraikan berjenis-jenis ilmu pengetahuan dan kebudayaan dari yang semudah-mudahnya hingga kepada yang sesulit-sulitnya.

Sampai sekarang kitab-kitab karangan Ibnu Sina, Ibnu Rushd, dan Ibnu Khaldun, masih banyak digunakan sebagai pedoman dan sandaran, terutama dalam ilmu falsafah dan mantiq, dalam ilmu pengetahuan moden dewasa ini.

Pengaruh Bahasa Arab di Indonesia

Dalam perkembangan agama Islam di Nusantara, pada permulaan kurun yang ketiga belas, bahasa Arab (sebagai bahasa *al-Qur'ān* dan Hadis Rasulullah yang menjadi pokok atau sumber ajaran Islam), sangatlah besar jasanya sebagai alat pencerdas dan pembertunasan buta huruf bagi rakyat di Indonesia.

Benar apa yang dikatakan oleh Mohammad Natsir, seorang tokoh Islam yang terkemuka dewasa ini, pada 16 tahun yang silam, beliau menyatakan dalam tulisannya yang dimuat dalam “Panji Islam” Medan, antara lain:

“Cubalah tuan-tuan pembaca fikirkan, bahasa Belanda masuk dalam dunia kita bukan dari semulanya bangsa Belanda duduk di sini, bukan semenjak 300 tahun yang lalu, akan tetapi bahasa Belanda itu diberikan dalam kira-kira 30 tahun ini, semenjak Belanda menganggap perlu mempertinggi kecerdasan kita dan setelah “Atheist Politik” berjalan, (hanya) kira-kita empat peratus dari Penduduk Imdonesia yang pandai tulis baca huruf Latin, nanti dahulu, disebut bahasa Belanda.

“ Akan tetapi sebelum (bahasa) Belanda menjadi bahasa pembawa kecerdasan itu, sudah terlebih dahulu bahasa Arab menjadi satu-satunya pembuluh (saluran -P.) kebudayaan bagi kita anak Indonesia.

“Lihatlah di sekeliling tuan, perhatikanlah kecerdasan bangsa kita sekarang ini! Selidiklah, jangan di kota-kota yang besar sahaja tetapi masuklah ke kampung-kampung dan ke desa-desa, di situ tuan-tuan akan mendapat gambaran, bagaimana besar jasanya bahasa Arab ini bagi kecerdasan bangsa kita. Belum di tilik lagi dari jurusan keagamaan , akan tetapi baru dari jurusan kecerdasan umum.

“ Sebelum H.I.S untuk anak kaum Priyayi, sebelumnya ada sekolah-sekolah kelas dua, tempat mengajarkan buta huruf Latin, jauh sebelum itu sudah betebaran di tanah air kita ini, beratus kalau tidak akan beribu langgar-langgar (surau-P.) dan pesantren-pesantren yang mengajar bahasa Arab dan ilmu agama.”
-Kapita Silikta, muka 107-108.

(Demikian pati tulisan Tuan “Mas” dalam majalah “al-Islam” Medan-P.Q.).

Kenyataan Kepada Anggota-Anggota

Ikhwan

Pimpinan Ikhwan dari satu ke satu masa berharap mendapat kerjasama dari anggota Ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara yang di luar Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Profesor Abdul Kahar Muzakkar telah kami siarkan.

Yang kedua- Risalah “kesedaran” telah kami siarkan dan telah mendapat perhatian.

Yang ketiga ucapan Kiyai Muhammad Arshad Talib Lubis sudah kami usahakan, juga ucapan Kiyai Nasrudin Latif tentang “ rumahtangga” sedang kami usahakan untuk dibukukan.

Bagi satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya daripada anggota Ikhwan tetapi kami meminta tiap-tiap seorang menghantarkan setem 10 sen untuk belanja mengirimnya- lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwan mendapat faedah dan manfaatnya dengan tidak

Berbelanja – selain daripada setem.

Pintalah kepada:

IKHWAN

356 & 358, Geylang Rd.,

Singapore - 14.